

Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan yang berhuruf **A, B, C dan D**.  
Pilih **satu** jawapan terbaik bagi tiap-tiap soalan dan **hitamkan** ruangan yang sepadan pada kertas jawapan objektif anda.

1 Senarai berikut merupakan ciri negara bangsa dalam kerajaan Alam Melayu.

- |  |
|--|
| <ul style="list-style-type: none"> <li>• Raja</li> <li>• <b>X</b></li> <li>• Wilayah Pengaruh</li> <li>• Rakyat</li> </ul> |
|--|

Apakah X?

- A Daulat
- B Pembesar
- C Undang-undang
- D Lambang kebesaran

2 Kesultanan Melayu Melaka mempunyai pentadbiran yang sistematik. Apakah sistem pentadbiran tersebut?

- A Pembesar Empat Lipatan
- B Pemerintahan tempatan
- C Raja Berperlembagaan
- D Pentadbiran wilayah

3 Mengapakah Revolusi Keagungan (Glorious Revolution) berlaku di England pada tahun 1688?

- A Menghapuskan pemerintahan beraja
- B Menegakkan kedaulatan parlimen
- C Menamatkan kuasa bangsawan
- D Mengukuhkan perpaduan rakyat

4 Apakah peranan Maharaja Meiji dalam gerakan nasionalisme di Jepun pada tahun 1868?

- A Meluaskan sempadan
- B Memodenkan negara
- C Mengadakan perjanjian
- D Memperbesarkan tentera

5 Apakah faktor teretusnya Perang Dunia Kedua pada tahun 1939-1945?


- A Krisis rantau Balkan
- B Pakatan ketenteraan
- C Persaingan kuasa imperialis
- D Kemunculan ideologi baru

6 Bintang Tiga menguasai Tanah Melayu lebih kurang 14 hari. Bagaimanakah penguasaan tersebut dilakukan?

- I Membuat kad catuan makanan
- II Membentuk kampung baharu
- III Membunuh pegawai daerah
- IV Menguasai balai polis

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

7 Rajah berikut berkaitan sistem pemerintahan di Tanah Melayu pada tahun 1946.



Apakah X?

- A Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- B Persekutuan Tanah Melayu
- C Gagasan Malayan Union
- D Negeri-negeri Selat

8 Bagaimanakah Raja-raja Melayu menentang Malayan Union?

- I Menghantar surat bantahan
- II Membawa kes ke mahkamah
- III Menubuhkan persatuan Melayu
- IV Menggunakan akhbar tempatan

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

9 Peristiwa berikut berkaitan protes tanpa keganasan yang dianjurkan oleh PUTERA-AMCJA.

Tarikh	Peristiwa
20 September 1947	Hari Hartal Se-Malaya

Apakah kesan peristiwa tersebut?

- A Penutupan kedai oleh peniaga
- B Perhimpunan haram di bandar
- C Persidangan menyokong raja
- D Penentangan secara radikal

10 Bagaimanakah perpaduan antara kaum dapat diwujudkan dalam Persekutuan Tanah Melayu (PTM) 1948?

- A Pembentukan Majlis Raja-Raja Melayu
- B Penggubalan Perlembagaan Tanah Melayu
- C Pengenalan Majlis Perundangan Persekutuan
- D Penubuhan Jawatankuasa Hubungan Antara Kaum

- 11** Maklumat berikut tentang sistem pendaftaran kebangsaan dan penggunaan kad pengenalan di Tanah Melayu.

Orang awam yang berumur 12 tahun ke atas dikehendaki membawa kad pengenalan ke mana-mana sahaja mulai tahun 1948.

Apakah kebaikan program tersebut terhadap kerajaan?

- A** Memutuskan hubungan dengan komunis
  - B** Mengelakkan penduduk menyokong komunis
  - C** Membezakan orang awam dengan komunis
  - D** Menawarkan pengampunan kepada komunis
- 12** Perang saraf ialah rancangan yang dilakukan untuk menghapuskan komunis. Antara berikut yang manakah berkaitan dengan perang saraf?

- I** Menawarkan hadiah wang tunai
  - II** Mengadakan perintah berkurung
  - III** Mengukuhkan pasukan tentera
  - IV** Melonggarkan syarat kerakyatan
- A** I dan II
  - B** I dan IV
  - C** II dan III
  - D** III dan IV

13 Gambar berikut ialah seorang tokoh Sistem Ahli iaitu E.E.C Thuraisingham.



E.E.C. Thuraisingham

Apakah portfolio beliau ?

- A Ahli Pelajaran
- B Ahli Kesihatan
- C Ahli Hasil Bumi
- D Ahli Kerja Raya

14 Maklumat berikut berkaitan dengan sistem pendidikan kebangsaan.

<b>X</b>
<ul style="list-style-type: none"><li>• Sekolah Umum (rendah) menggunakan bahasa Melayu.</li><li>• Sekolah Jenis Umum (rendah) menggunakan sama ada Bahasa Inggeris, Bahasa Cina atau bahasa Tamil.</li></ul>

Apakah X?

- A Ordinan Pelajaran 1952
- B Laporan Fenn-Wu 1951
- C Laporan Woodhead Sarawak 1955
- D Penyata Jawatankuasa Pelajaran 1956

- 15 Pilihan raya majlis perbandaran yang pertama telah diadakan pada tahun 1951. Apakah kawasan pilihan raya tersebut?
- A Ipoh, Perak
  - B Kuantan, Pahang
  - C Johor Bahru, Johor
  - D George Town, Pulau Pinang
- 16 Apakah peranan kabinet pertama yang dibentuk selepas Pilihan Raya Majlis Perundangan Persekutuan 1955?
- A Membincangkan hal ehwal luar negara
  - B Mengurangkan kuasa pentadbiran British
  - C Mewujudkan hubungan muhibah antara kaum
  - D Mengadakan perkongsian dalam pentadbiran
- 17 Apakah intipati Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu 1957?
- A Pelaksanaan pilihan raya umum
  - B Kerajaan persekutuan yang kukuh
  - C Persempadanan antara negeri
  - D Kedudukan agama Islam
- 18 Perjanjian Persekutuan Tanah Melayu antara Raja-raja Melayu dengan pihak British telah menjadi asas kemerdekaan negara.
- Apakah nilai yang ditunjukkan melalui peristiwa tersebut?
- A Permuafakatan
  - B Sedia berkorban
  - C Tanggungjawab
  - D Taat setia

- 19 Maklumat berikut berkaitan persediaan menyambut pemasyhuran kemerdekaan negara.

Sambutan kemerdekaan dinantikan oleh rakyat sehinggakan semua tiket Keretapi Tanah Melayu dan tiket bas habis ditempah.

Apakah yang boleh dirumuskan dengan situasi tersebut?

- A Berbangga menyambut kemerdekaan
- B Bergembira menyambut kemerdekaan
- C Bersatu hati menyambut kemerdekaan
- D Bersyukur menyambut kemerdekaan

- 20 Maklumat berikut berkaitan dengan usaha kerajaan untuk membangunkan ekonomi negara.

- Pembangunan Luar Bandar
- Rancangan Buku Merah

Apakah persamaan kedua-dua rancangan tersebut?

- A Penyediaan kemudahan asas
- B Peluang pekerjaan bertambah
- C Pembukaan tanah pertanian baru
- D Pembinaan perumahan kos rendah

- 21 Antara berikut yang manakah berkaitan dengan takrif kedaulatan?

Bahasa	Takrif kedaulatan
I Bahasa Yunani	Sovereignty
II Bahasa Arab	Daulah
III Bahasa Melayu	Daulat
IV Bahasa Inggeris	Superanus

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

22 Gambar sampul surat berikut berkaitan keunikan rakyat Malaysia.



Bagaimanakah keunikan tersebut mengukuhkan negara kita?

- A Perkongsian cara hidup yang sama
- B Pengamalan adat resam yang berbeza
- C Kebebasan mutlak dalam bermasyarakat
- D Keharmonian dalam kalangan berbilang kaum

23 Undang-undang Inggeris berikut telah diperkenalkan di negara kita.

- Charter of Justice I
- Charter of Justice II
- Charter of Justice III

Di manakah undang-undang tersebut diperkenalkan?

- A Negeri-negeri Borneo
- B Negeri-negeri Selat
- C Negeri-negeri Melayu Bersekutu
- D Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu

24 Apakah majlis yang menggubal undang-undang di negeri Melayu pada tahun 1877?

- A Majlis Negeri
- B Majlis Tertinggi
- C Majlis Persekutuan
- D Majlis Undangan Negeri

- 25 Apakah yang dimaksudkan dengan Durbar?
- A Persidangan umum antara Raja Melayu dengan British
  - B Persidangan umum antara Raja Melayu semua negeri
  - C Persidangan umum Raja Melayu dengan Parti Perikatan
  - D Persidangan umum Raja Melayu dengan pembesar Melayu
- 26 Gambar berikut ialah cap Mohor Besar Raja-Raja.



Cap Mohor Besar Raja-Raja

Apakah kepentingan cap mohor tersebut?

- A Mengesahkan kerajaan yang dipilih rakyat
  - B Mengesahkan pelantikan kabinet pertama
  - C Melambangkan kedaulatan Raja-raja Melayu
  - D Melambangkan undang-undang pemerintahan
- 27 Apakah strategi yang berjaya mengekalkan keamanan dan keselamatan di bahagian tengah Sarawak.
- A ESSCOM
  - B RASCOM
  - C SALCRA
  - D PRIMA
- 28 Apakah fungsi Majlis Tanah Negara?
- A Menguruskan kawasan petempatan
  - B Mengawal kegiatan pertanian
  - C Menyediakan bekalan benih
  - D Meneroka tanah baru

- 29 Mengapakah penyatuan Singapura dengan Persekutuan Tanah Melayu pada tahun 1963 penting?
- A Mengelakkan pencerobohan sempadan
  - B Mengatasi kejatuhan ekonomi
  - C Menyatukan pelbagai kaum
  - D Menyelesaikan masalah komunis
- 30 Mengapakah Indonesia mengumumkan dasar konfrontasi terhadap Malaysia?
- A Mengancam kedudukan
  - B Menggugat kedaulatan
  - C Menjejaskan keselamatan
  - D Mencetuskan pemberontakan
- 31 Apakah cabaran dalaman yang dihadapi Malaysia selepas pembentukan Malaysia?
- A Meningkatkan hasil pendapatan
  - B Mewujudkan pemimpin berwibawa
  - C Mengukuhkan perpaduan kaum
  - D Memantapkan pentadbiran negeri
- 32 Maklumat berikut berkaitan cabaran untuk memajukan sistem pendidikan selepas pembentukan Malaysia.

Penduduk pedalaman tidak mendapat peluang pendidikan secukupnya untuk bersekolah.

Bagaimanakah kerajaan Malaysia mengatasi cabaran tersebut?

- A Melatih tenaga guru baru
- B Memperkenalkan buku baru
- C Memperkenalkan silibus baru
- D Menyeragamkan kurikulum baru

33 Apakah matlamat penubuhan Kolej Sultan Abdul Halim?

- A Meningkatkan tenaga kerja mahir
- B Mengukuhkan perpaduan kaum
- C Menyeragamkan sistem pendidikan
- D Memperkasakan Bahasa Melayu

34 Gambar berikut berkaitan logo 1M1S.



Mengapakah dasar 1M1S diperkenalkan?

- A Semangat cinta negara
  - B Semangat kenegerian
  - C Semangat sukarelawan
  - D Semangat setia kawan
- 35 Garis panduan bagi kerjasama antara kaum dan integrasi nasional untuk memupuk identiti kebangsaan telah diadakan pada tahun 1970. Antara berikut yang manakah berkaitan dengan pernyataan tersebut?
- A Majlis Perundingan Negara (MAPEN)
  - B Dasar Pembangunan Nasional (DPN)
  - C Amanah Saham Bumiputera (ASB)
  - D Majlis Amanah Rakyat (MARA)

36 Antara berikut yang manakah strategi Dasar Ekonomi Baru (DEB) untuk mencapai perpaduan kaum?

- I Membasmi kemiskinan
- II Membuka industri baharu
- III Menawar peluang pekerjaan
- IV Menyusun semula penduduk

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

37 Prinsip berikut berkaitan pendirian Malaysia dalam soal antarabangsa.

“Hidup bersama secara aman”

Apakah bukti yang menunjukkan Malaysia berpendirian tersebut?

- A Mendukung Piagam PBB
- B Meneroka benua Antartika
- C Menyertai komuniti ASEAN
- D Menuntut Kepulauan Spratly

38 Rancangan Colombo diperkenalkan dalam Komanwel pada tahun 1951. Mengapakah rancangan tersebut diperkenalkan?

- A Menyediakan kemudahan kredit
- B Menguruskan persidangan tahunan
- C Mewujudkan kerjasama pertahanan
- D Menyelesaikan masalah kemiskinan

39 Mengapakah gerakan antiminyak kelapa sawit Malaysia dilancarkan oleh negara maju?

- A Menyekat pengeluaran negara pengeksport
- B Menjadi punca pencemaran alam sekitar
- C Menyaingi penjualan minyak kacang soya
- D Mendominasi penanaman secara ladang

- 40** Malaysia telah melancarkan Dasar Teknologi Hijau Negara pada tahun 2009. Apakah tujuan pelancaran dasar tersebut?
- A** Menangani masalah jerebu
  - B** Mengawal perubahan iklim
  - C** Memelihara warisan sejarah
  - D** Menjamin keperluan makanan